



**PERHIMPUNAN BULANAN
JABATAN KIMIA MALAYSIA
JULAI 2026**

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA
ChM PUAN MARHAYANI
BINTI MD SAAD
KETUA PENGARAH
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

**2 JULAI 2026
DEWAN SYARAHAN
BANGUNAN FORENSIK
9.00 PAGI**

**DISEDIAKAN OLEH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

Terima kasih saudara/saudari

Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim,

Alhamdulillah rabbi 'alamin,.

Wassalatu wassalamu 'ala saidina

muhammadin asrafi mursalin, Wa 'ala

alihi wasahbihi ajma'in

Assalamualaikum warahmatullahi

wabarakatuh, Salam Perpaduan dan

Salam Malaysia MADANI.

- **Yang Berusaha ChM Tuan Haji**

Khairul Anuar bin Abd Aziz

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

Jabatan Kimia Malaysia

- **Yang Berusaha Ts. ChM Puan**

Hajah Nor Aidora binti Saedon

Pengarah Kanan Pusat KUALITI

yang menanggung kerja Timbalan

Ketua Pengarah (Operasi)

Jabatan Kimia Malaysia selaku
penganjur perhimpunan pada pagi
ini

- **Yang Berusaha Pengarah-
Pengarah Kanan**
- **Pengarah-Pengarah Bahagian,
Negeri dan Cawangan**
- **Tuan-tuan dan Puan-puan,
warga KIMIA Malaysia yang
saya kasihi sekalian.**

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, kita dapat berhimpun dalam Majlis Perhimpunan Bulanan KIMIA Malaysia bagi bulan Julai 2026 pada pagi yang penuh keberkatan ini.
2. Perhimpunan bulanan ini memberi ruang kepada kita untuk berkumpul, menyelaraskan semula fokus kerja serta memperkukuh

semangat kebersamaan sebagai satu pasukan di KIMIA Malaysia.

3. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Pusat KUALITI selaku urus setia penganjuran majlis pada pagi ini atas usaha yang telah diberikan bagi memastikan kelancaran program.
4. Komitmen yang ditunjukkan ini mencerminkan budaya kerja yang baik serta semangat kerja

berpasukan yang sentiasa menjadi amalan kita di jabatan ini.

5. Terima kasih juga kepada semua yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan majlis pada hari ini.
6. Sesungguhnya, setiap usaha yang disumbangkan, walaupun kecil, tetap memberi impak besar kepada kelancaran majlis serta imej jabatan.

UCAPAN PENGHARGAAN

7. Pertamanya, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha MOSTI atas kesudian beliau mengadakan lawatan rasmi ke KIMIA Bintulu pada 10 Jun yang lalu.
8. Lawatan tersebut bukan sahaja memberi peluang kepada pihak jabatan untuk berkongsi perkembangan semasa operasi di

Bintulu, malah turut mencerminkan keprihatinan pihak pengurusan tertinggi MOSTI terhadap kemajuan pelaksanaan projek serta keperluan warga kerja di lapangan.

9. Dalam lawatan itu juga, beliau telah meninjau sendiri kemajuan pembinaan kuarters warga KIMIA Bintulu, yang merupakan salah satu inisiatif penting dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan warga kerja terus diberi perhatian.

- 10.** Tinjauan tersebut jelas menunjukkan komitmen berterusan pihak MOSTI dalam menyokong usaha penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan bagi memperkukuh ekosistem kerja yang lebih kondusif di KIMIA Malaysia.
- 11.** Sehubungan dengan itu, pihak jabatan amat menghargai sokongan, perhatian dan pandangan yang telah diberikan oleh beliau sepanjang lawatan tersebut, yang pastinya menjadi dorongan untuk kita terus

mempertingkatkan mutu
penyampaian perkhidmatan.

LAWATAN KETUA PENGARAH KE NEGERI

12. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Pengarah serta seluruh warga KIMIA Bintulu dan KIMIA Perak atas sambutan serta kerjasama yang diberikan sepanjang lawatan rasmi saya ke kedua-dua pejabat tersebut pada 10 Jun dan 25 Jun yang lalu.

- 13.** Lawatan ini memberi peluang kepada saya untuk melihat sendiri pelaksanaan fungsi dan peranan jabatan di peringkat negeri, di samping mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai pencapaian, cabaran serta keperluan semasa yang dihadapi oleh warga kerja di lapangan.
- 14.** Saya amat menghargai keterbukaan pihak pengurusan dan warga kerja dalam berkongsi pandangan, pengalaman serta cadangan penambahbaikan yang boleh membantu memperkukuh

lagi penyampaian perkhidmatan jabatan kepada pelanggan dan pemegang taruh.

- 15.** Sesungguhnya, interaksi secara bersemuka seperti ini amat penting kerana ia membolehkan pihak pengurusan memahami realiti operasi di lapangan, di samping memastikan setiap isu yang dibangkitkan dapat diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

UCAPAN TAHNIAH

Warga KIMIA Malaysia sekalian,

16. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada YBrs. ChM Puan Nancy Lai Siew Joon, Ketua Bahagian Analisis Industri Jabatan Kimia Malaysia Negeri Sarawak (KIMIA Sarawak) atas penganugerahan Pingat Perkhidmatan Awam iaitu Pingat Perkhidmatan Bakti (P.P.B) tahun 2024.
17. Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran Negeri

Sarawak telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, bertempat di Dewan Besar, Astana Negeri Sarawak, Petra Jaya, Kuching pada 30 Jun lalu.

18. Syabas dan tahniah diucapkan.

UCAPAN TAHNIAH PUSPANITA

19. Selain itu, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada seorang warga Jabatan Kimia Malaysia yang

telah mengharumkan nama jabatan melalui pengiktirafan di peringkat kebangsaan.

20. Tahniah saya ucapkan kepada Puan Rozana binti Ayub, Setiausaha PUSPANITA Cawangan Jabatan Kimia Malaysia atas penerimaan Sijil Penghargaan Anugerah Ahli PUSPANITA Cemerlang (Peringkat Kebangsaan) sempena Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) PUSPANITA Kali Ke-44 Tahun 2026.

21. Pengiktirafan ini bukan sahaja membanggakan beliau, malah turut mengharumkan nama Jabatan Kimia Malaysia.
22. Sesungguhnya, setiap kejayaan yang diraih oleh warga KIMIA Malaysia, walau dalam apa jua bidang sekalipun, merupakan kejayaan yang membanggakan seluruh warga jabatan.
23. Saya berharap pencapaian ini akan menjadi inspirasi kepada semua warga KIMIA Malaysia untuk terus memberikan komitmen yang tinggi,

mengamalkan budaya kerja cemerlang serta sentiasa berusaha mengangkat nama jabatan.

24. Semoga lebih ramai lagi warga KIMIA Malaysia akan terus melakar kecemerlangan dan mengharumkan nama jabatan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

25. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan Projek Reformasi Karenah Birokrasi

(RKB) Bahagian Toksikologi serta semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan dan menginstitusikan projek ini.

26. Pengiktirafan yang diterima pada Majlis Pengiktirafan Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), yang telah disampaikan oleh Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN), merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan buat Jabatan Kimia Malaysia.

27. Semoga kejayaan ini terus menyemarakkan semangat kerja berpasukan, memupuk budaya inovasi serta memperkukuh kecemerlangan Jabatan Kimia Malaysia dalam penyampaian perkhidmatan awam.
28. Saya harap kejayaan ini juga menjadi inspirasi kepada Pusat/Bahagian/Negeri/Cawangan untuk melahirkan projek-projek RKB yang berimpak tinggi di masa akan datang.

PENGUKUHAN PERJAWATAN
PERKHIDMATAN ANALISIS
NARKOTIK

29. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya ingin berkongsi satu perkembangan penting berkaitan usaha memperkukuh organisasi Jabatan Kimia Malaysia.
30. Sukacita dimaklumkan bahawa Kertas Permohonan Pengukuhan Perjawatan Perkhidmatan Analisis Narkotik Jabatan Kimia Malaysia telah dikemukakan oleh MOSTI kepada JPA.

31. Susulan itu, satu sesi pembentangan akan diadakan di Bahagian Perjawatan dan Organisasi (BPO), Jabatan Perkhidmatan Awam pada 2 Julai 2026.
32. Buat masa ini, fokus utama pihak Pengurusan adalah untuk memastikan cadangan penambahan perjawatan bagi Perkhidmatan Analisis Narkotik mendapat pertimbangan dan kelulusan yang sewajarnya.

33. Justeru, berikutan krisis tenaga yang sedang dihadapi oleh negara sekarang, cadangan penstrukturan perjawatan yang lain ditangguhkan sementara bagi membolehkan segala usaha dan tumpuan diberikan kepada keutamaan tersebut.
34. Saya percaya langkah ini merupakan satu pelaburan strategik yang akan memberi manfaat kepada keseluruhan organisasi pada masa hadapan.

AMANAT DAN ASPIRASI **PENGURUSAN**

35. Saya sedar bahawa dalam kalangan warga KIMIA Malaysia masih terdapat pelbagai harapan dan perkara yang menjadi perhatian, khususnya berkaitan kebajikan, pembangunan kerjaya, peluang kenaikan pangkat serta keperluan penambahbaikan organisasi.
36. Percayalah, pihak Pengurusan sentiasa mendengar setiap pandangan, cadangan dan kebimbangan yang disuarakan

oleh warga kerja di semua peringkat.

37. Walaupun kita berdepan dengan pelbagai kekangan, sama ada dari sudut perjawatan, kewangan mahupun proses kelulusan yang melibatkan pelbagai pihak, ia tidak pernah sekali-kali bermaksud pihak Pengurusan meminggirkan isu-isu yang dibangkitkan.
38. Selagi ada ruang dan peluang, kita akan terus berusaha mencari jalan penyelesaian yang terbaik demi kepentingan warga KIMIA Malaysia.

39. Segala keputusan yang dibuat pihak pengurusan jabatan adalah untuk kebaikan jabatan dan untuk kepentingan perkhidmatan.
40. Saya ingin memberi jaminan bahawa kebajikan warga KIMIA Malaysia akan sentiasa menjadi antara keutamaan pihak Pengurusan kerana anda semua (warga kerja KIMIA Malaysia) adalah asset yang tidak ternilai buat jabatan.
41. Henry Ford pernah berkata:
"Coming together is a beginning.

*Keeping together is progress.
Working together is success."*

42. Kata-kata ini mengingatkan kita bahawa kekuatan Jabatan Kimia Malaysia bukan hanya terletak pada makmal, teknologi atau sistem yang kita miliki, tetapi pada warga kerjanya yang sentiasa komited, berintegriti dan sanggup berganding bahu demi negara.
43. Saya tidak menjanjikan bahawa setiap cabaran dapat diselesaikan dalam masa yang singkat.
44. Namun saya memberi komitmen bahawa setiap isu yang

dibangkitkan tidak pernah
dipandang sepi.

45. Selagi diberi amanah memimpin jabatan ini, saya bersama barisan Pengurusan akan terus berusaha mencari ruang dan peluang bagi memperkukuh organisasi serta menjaga kebajikan seluruh warga KIMIA Malaysia.

PENUTUP

46. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Lahir

kepada semua warga kerja yang menyambut ulang tahun kelahiran pada bulan JULAI ini.

47. Semoga dikurniakan kesihatan yang baik, ketenangan jiwa dan kekuatan untuk terus menyumbang kepada organisasi tercinta ini.
48. Dengan itu, saya sudahi ucapan ini dengan lafaz Wabillahitaufiq walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
49. Sekian, terima kasih.

----- TAMAT-----